

## URUTAN PEMEROLEHAN *AL-DAMĪR* DALAM AYAT NOMINATIF BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

\*Ummi Syarah Ismail<sup>1</sup>, Nazri Atoh<sup>2</sup>, Abdul Basir Awang<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi Mara Perlis  
02600 Arau Perlis

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim Perak

\* Corresponding author's email: [ummi@perlis.uitm.edu.my](mailto:ummi@perlis.uitm.edu.my)

Submission date: 15 July 2018 Accepted date: 15 October 2018 Published date: 15 November 2018

### Abstract

*Al-ḍamīr* in the nominative sentence of Arabic language is very important in learning its grammar. *Al-ḍamīr* and nominative sentences are learned in the early stage as the basic level in learning Arabic language. The aim of this study is to identify the sequence of *al-ḍamīr* and its acquisition in Arabic nominative sentences based on the category of *munfaṣil* and *muttaṣil* and also to identify the sequences of *al-ḍamīr* acquisition from the number of *mufrad*, *muthannā* and *jamak* aspects. The meaning of this sequence is the sequence of *al-ḍamīr* in highly used to rarely used. The highly used means that it is easy to use while the rarely used means it is difficult to use. This study uses descriptive analysis design with IBM SPSS statistic software. Test sentences were given to 183 students who took Arabic 3 at UiTM Perlis using a purposive sampling. The findings showed that there are highly used and rarely used *al-ḍamīr* acquisition sequences of students. Based on this acquisition order, students are more easy to use *ḍamā'ir raf' munfaṣilat* in the construction of nominative compared to *ḍamā'ir jar muttaṣilat* and *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat*. While in the numbers aspect, students feel easier to use *al-ḍamīr mufrad* than *al-ḍamīr muthannā* and *jamak* in constructing the nominative sentences.

**Keywords** : Order, Acquisition, *al-Ḍamīr*, Nominative Sentences, Arabic Language

### Abstrak

Tajuk *al-ḍamīr* dalam ayat nominatif bahasa Arab amat penting dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Arab. *Al-ḍamīr* dan ayat nominatif dipelajari dari tahap awal pembelajaran bahasa Arab dan merupakan tajuk yang paling asas. Kajian ini bertujuan mengenalpasti urutan pemerolehan *al-ḍamīr* mengikut kategori *munfaṣil* dan *muttaṣil* dalam ayat nominatif bahasa Arab dan juga bagi mengenalpasti urutan pemerolehan *al-ḍamīr* dari aspek bilangan *mufrad*, *muthannā* dan *jamak*. Urutan yang dimaksudkan adalah urutan *al-ḍamīr* yang awal dan lewat digunakan. Urutan *al-ḍamīr* yang awal digunakan bermaksud ianya mudah digunakan manakala urutan yang lewat bermaksud ianya sukar digunakan. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian deskriptif analisis dengan

menggunakan perisian IBM SPSS Statistik. Instrumen soalan ujian pembinaan ayat diberikan kepada 183 orang pelajar yang mengambil bahasa Arab 3 di UiTM Perlis dengan menggunakan persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat urutan pemerolehan *al-ḍamīr* yang awal dan lewat digunakan pelajar. Berdasarkan urutan pemerolehan ini, pelajar lebih mudah menggunakan *ḍamā'ir raf' munfaṣilat* berbanding *ḍamā'ir jar muttaṣilat* dan *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat*. Manakala dari aspek bilangan, pelajar lebih mudah menggunakan *al-ḍamīr mufrad* berbanding dengan *al-ḍamīr muthannā* dan *jamak* dalam pembinaan ayat nominatif.

**Katakunci** :Urutan, Pemerolehan, *al-Ḍamīr*, Ayat Nominatif, Bahasa Arab

## 1.0 PENDAHULUAN

Kepentingan pendidikan bahasa Arab di Malaysia tidak dinafikan apabila ditinjau sorotan perkembangannya yang dahulunya berasaskan sistem pondok yang bermula pada kurun ke 18 M sehingga kurun ke 20 M (Abdullah Jusuh, 1990; Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi, & Sulaiman Shakib Mohd Noor, 2006; Rosni Samah, 2012) sehingga kini. Bahasa Arab mendapat tempat istimewa di sekolah-sekolah samada sekolah rendah atau menengah sehinggalah ke peringkat universiti yang menjadi mata pelajaran wajib dipelajari.

Pada masa dahulu pendekatan tradisional dalam pengajaran bahasa Arab digunakan namun kini terdapat beberapa pendekatan dengan adanya usaha-usaha ahli akademik dan sarjana bahasa yang membuat penambahbaikan kepada pendekatan-pendekatan yang lebih relevan sejajar dengan perkembangan masa. Zawawi Ismail dan Muhammad Azhar Zailani (2005) menyatakan proses pemerolehan bahasa merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam pengajaran bahasa. Kaedah-kaedah dan pendekatan yang bersesuaian dengan matlamat pemerolehan bahasa Arab adalah perlu bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar (Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani, 2005).

Ia berikutan kajian-kajian sebelumnya yang menemui beberapa isu dan permasalahan berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ini kerana kedudukan bahasa Arab di Malaysia merupakan bahasa kedua (B2) dan terdapat pendapat mengatakan bahasa ketiga (B3) setelah bahasa Inggeris. Para pelajar bahasa pertama (B1) perlu menguasai bahasa kedua sebelum menguasai bahasa ketiga. Hal ini menyebabkan berlaku kekeliruan terutamanya aspek peraturan tatabahasa bahasa Arab kerana tatabahasa atau nahu setiap bahasa pertama, kedua dan ketiga dalam keadaan tertentu adalah berbeza dari aspek pembentukan kata atau ayat.

Dulay dan Burt (1974) menjelaskan pemerolehan struktur dan rumus tatabahasa bagi pelajar bahasa kedua berlaku urutan secara semulajadi *natural order* dan ianya boleh diramal. Ini kerana menurut Chomsky secara biologinya seseorang manusia telah dikurniakan kemampuan berbahasa yang disebut sebagai tatabahasa umum *universal grammar* dalam diri secara alamiah atau semulajadi. Chomsky menyatakan seseorang manusia telah dikurniakan *innate mechanism* atau disebut alat penguasaan atau pemerolehan bahasa *language acquisition device/LAD* iaitu alat yang berfungsi menerima masukan atau input yang menentukan apa yang perlu dikuasai terlebih dahulu seperti bunyi, kata, perkataan dan lain-lain (Nana Jumhana, 2014; Tay Meng Guat, 2006; Cook, 1988).

Kajian yang dibuat oleh Gamal Abdul Nasir, Salwa Mahalle dan Aliff Nawi (2015), Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias dan Hanis Najwa Shaharuddin (2014), Noor Anida Awang, Norhayati Che Hat dan Nurazan Mohamad Rouyan (2014) mendapati antara faktor pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah peranan guru dalam merancang penggunaan pendekatan dan kaedah yang sesuai dan kreatif dalam pengajaran. Pemilihan kaedah serta pendekatan yang kreatif dan sesuai dapat memberi kesan kepada penghasilan pengajaran dan pembelajaran yang baik di samping tercapai objektif

(Noraini Idris & Shuki Osman, 2009) serta membantu merungkai masalah dalam pengajaran dan pembelajaran (Abdull Sukor Shaari & Azliza Din, 2013, Gamal Abdul Nasir, Salwa Mahalle & Aliff Nawi, 2015, Manisah Mohd Nor, 2000; Muhammad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah & Roslee Talip, 2014).

Pemerolehan bahasa disebut dalam bahasa Inggeris sebagai *language acquisition* iaitu sesuatu proses penguasaan dan perkembangan bahasa oleh seseorang yang berlaku secara alami atau *natural* (Nana Jumhana, 2014; Tay Meng Guat, 2006). Oleh yang demikian kajian ini bertujuan mengenalpasti pemerolehan pelajar dengan memberi tumpuan kepada urutan pemerolehan *al-damir* dalam ayat nominatif bahasa Arab. Ini kerana *al-damir* dan ayat nominatif merupakan perkara yang paling asas dalam bidang nahu bahasa.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan tinjauan kepada beberapa kajian terdahulu, para pengkaji mendapati kesukaran mempelajari nahu bahasa Arab merupakan masalah utama yang selalu dihadapi pelajar berbanding aspek-aspek bahasa yang lain. (Azani Ismail@Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa, 2012; Azman Che Mat & Goh Ying Soon, 1985; Mat Nawi Jusoh, Hakim Zainal & Kaseh Abu Bakar, 2014; Rosni Samah, 2012).

Manakala melalui pengalaman pengkaji sendiri sebagai seorang pengajar bahasa Arab, antara kesukaran pelajar adalah seperti penggunaan *al-damir* (*pronoun*) ketika berada dalam ayat nominatif *nominal sentence* seperti ayat “هُوَ مُدَرِّسٌ” (dia seorang guru) perkataan “هُوَ” (dia) merupakan subjek (مُبْتَدَأٌ) yang berada di permulaan ayat manakala “مُدَرِّسٌ” (guru) adalah predikat (خَبَرٌ). Sekiranya *al-damir* ini tidak menduduki tempat sebagai subjek dalam ayat atau tidak berada pada permulaan ayat seperti “هَذَا مُدَرِّسُهُ” (ini gurunya), *al-damir* “هُوَ” (dia) berubah kepada bentuk “هُ” (nya). Namun pelajar menggunakan *al-damir* yang sama samada berada dipermulaan ayat atau tidak seperti “هَذَا مُدَرِّسٌ هُوَ” (ini guru dia).

Begitu juga dengan penggunaan *al-damir* sebagai *mubtada'* (subjek) yang perlu bersesuaian dengan *khobar* (predikat) dari aspek *al-damir* yang *mufrad* (*singular pronoun*), *muthannā* (*dual pronoun*) dan *jamak* (*plural pronoun*) sebagai contoh “هُوَ مُدَرِّسٌ” (dia seorang guru) dan ayat “هُمَا مُدَرِّسَانِ” (mereka berdua guru) dan “هُم مُدَرِّسُونَ” (mereka semua guru). Namun pelajar menggunakan *al-damir mufrad* “هُوَ” bagi ayat *mubtada'* dan *khobar muthannā* مُنْتَنَى seperti “هُوَ مُدَرِّسَانِ” mahupun *jamak* seperti “هُوَ مُدَرِّسُونَ”.

Permasalahan yang disebutkan ini bertepatan dengan dapatan kajian lalu yang mendapati faktor kerumitan nahu dalam aspek genus/gender, penggunaan *al-damir* (Manisah Mohd Nor, 2000; Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif & Nor Effendy Ahmad Sokri, 2014; Tuan Rashid Tuan Mat, 2000), bilangan dan fleksi yang rumit merupakan masalah utama dalam pembelajaran nahu (Azman Che Mat & Goh Ying Soon, 2010). Bertitik tolak daripada ini, pengkaji merasakan aspek pemerolehan *al-damir* dalam ayat nominatif bahasa Arab perlu diberi perhatian dan dikaji dengan lebih mendalam. Pengkaji memfokuskan kepada kajian urutan pemerolehan *al-damir* dalam ayat nominatif bagi mengetahui urutan *al-damir* yang awal dan lewat digunakan pelajar mengikut kategori *al-damir*. Oleh itu permasalahan ini dapat menjelaskan persoalan berikut :

1. Apakah urutan pemerolehan *al-ḍamīr* mengikut kategori *munfaṣīl* dan *muttaṣīl* dalam ayat nominatif bahasa Arab?
2. Apakah urutan pemerolehan *al-ḍamīr* dalam ayat nominatif bahasa Arab dari aspek bilangan?

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Mengenal pasti urutan pemerolehan *al-ḍamīr* mengikut kategori *munfaṣīl* dan *muttaṣīl* dalam ayat nominatif bahasa Arab.
2. Mengenal pasti urutan pemerolehan *al-ḍamīr* dalam ayat nominatif bahasa Arab dari aspek bilangan.

### 4.0 SOROTAN KAJIAN *AL-ḌAMĪR* BAHASA ARAB DAN URUTAN PEMEROLEHAN MORFEM

Tidak dinafikan tajuk *al-ḍamīr* dalam bahasa Arab amat penting dalam pembelajaran. Ini boleh dilihat *al-ḍamīr* dipelajari dari tahap awal pembelajaran bahasa Arab dan ia merupakan tajuk yang paling asas. Para pelajar bahasa pertama yang mempelajari bahasa Arab seringkali keliru dan kurang berkeyakinan menggunakan *al-ḍamīr* dalam pembinaan ayat atau karangan bahasa Arab. Disebabkan ini tanpa sedar pelajar kerap kali melakukan kesilapan semasa menggunakan *al-ḍamīr* dalam pembinaan ayat. Hal ini boleh dilihat dalam kajian-kajian yang telah dibuat yang mendapati pelajar masih lemah menggunakan *al-ḍamīr* yang boleh menjejaskan prestasi pencapaian pelajar dalam penulisan mahupun pertuturan.

Kajian Manisah Mohd Nor (2000) dan Tuan Rashid Tuan Mat (2000) mendapati kebanyakan pelajar masih lemah dalam penguasaan *al-ḍamīr* terutamanya *ḍamīr bāriz muttaṣīl*, *ḍamīr mustatir*, *ghā'ib* dan *naṣab*. Manakala *ḍamīr bariz munfaṣīl* lebih senang dikuasai. Manisah Mohd Nor (2000) mendapati peratus kesalahan pelajar dalam penggunaan *al-ḍamīr* adalah tinggi. Kesalahan pelajar yang tertinggi ialah kesalahan penggunaan *al-ḍamīr* pada kata kerja dan kesalahan *ḍamīr genitif جَر* pada kata nama, penggunaan *al-ḍamīr al-munfaṣīl* dalam kasus genitif dan penggunaan *al-ḍamīr* yang tidak bertepatan dari aspek genus/gender. Antara bentuk kesalahan pelajar seperti pelajar gagal menyambung *ḍamīr* genitif pada kata nama contoh ayat pelajar: *يَعْمَلُ أَبٌ فِي أَي- تِي- عِيم* bagi maksud “bapa saya bekerja di ITM” sepatutnya pelajar perlu menyambung kata nama *أَب* (bapa) dengan *ḍamīr* genitif *يَ* (saya) menjadi “أَبِي” (bapa saya).

Antara bentuk kesalahan lain pula seperti kesalahan penggunaan *ḍamīr akusatif نَصَب* contohnya *هُوَ يُسَاعِدُنِي أَنَا* (dia suka membantu saya). Dalam ayat ini pelajar menggunakan *al-ḍamīr al-munfaṣīl أَنَا* dalam kasus akusatif. Sepatutnya pelajar perlu membuat ayat *يُسَاعِدُنِي* dengan menggunakan *ḍamīr akusatif نِي* (saya).

Rabiatul Adawiyah, (2010) turut mendapati pelajar masih lemah dalam penguasaan *al-ḍamīr* dan antara kesalahan pelajar seperti penggunaan *al-ḍamīr* yang tidak bersesuaian dengan gender, kesalahan penggunaan *al-ḍamīr* dari aspek bilangan *mufrad مُفْرَد*, *muthannā مُثَنَّى* dan *jamak جَمَع*,

penggunaan *al-ḍamīr* yang salah dari aspek *ḍamīr mutakallim* مُتَكَلِّم (ganti nama pertama), *mukhāṭab* مُخَاطَب (ganti nama kedua) dan *ghā'ib* غَائِب (ganti nama ketiga).

Terdapat juga kajian yang menyentuh secara tidak langsung mengenai *al-ḍamīr* sebagai salah satu aspek kelemahan pelajar seperti kajian yang dibuat oleh Mohamad Rofian Ismail et al. (2014) yang mendapati penguasaan pelajar masih lemah dalam tatabahasa Arab dan antara kesalahan pelajar seperti kesalahan penggunaan gender *muzakkar* dan *mu'annath*, kesalahan penggunaan *al-ḍamīr*, kesalahan frasa *idāfat* dan kata sifat dan juga kesalahan kosa kata.

Kajian lain pula seperti kajian yang dibuat oleh Azani Ismail@Yaakub et al. (2012) yang bertujuan bagi mengenal pasti permasalahan bahasa yang dihadapi pelajar semasa bertutur dalam bahasa Arab semasa aktiviti lakonan. Melalui kajian ini, beliau dapati pelajar lemah dalam aspek penguasaan tatabahasa seperti kesalahan penggunaan frasa *idāfat*, kesalahan penggunaan *al-ḍamīr*, kesalahan penggunaan kata tunjuk اسم إشارة, kesalahan penggunaan kata kerja, kesalahan penggunaan subjek مَبْنَدًا dan predikat خَبَر dan kesalahan penggunaan kata nama am نِكْرَة dan kata nama khas مَعْرِفَة.

Merujuk kepada kajian-kajian yang disebutkan di atas, kebanyakan kajian adalah mengenai penguasaan pelajar tanpa menyentuh urutan pemerolehan *al-ḍamīr* dalam bahasa Arab. Dalam pendidikan bahasa asing pengetahuan guru atau tenaga pengajar mengenai urutan pemerolehan (*acquisition order*) adalah penting bagi mendapatkan keberkesanan dalam pengajaran (Emi Izumi & Hitoshi Isahara, 2004). Para pengkaji bahasa terdahulu telah banyak melakukan kajian mengenai pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua ataupun bahasa asing antaranya kajian berdasarkan urutan penguasaan morfem (*study of morpheme acquisition*) (Eun-Young Kwon, 2005; Dulay, Burt & Krashen, 1982; Ellis, 1994, 1997) atau disebut urutan pemerolehan morfem. Urutan pemerolehan morfem ini telah wujud pada tahun 70-an sehingga 80-an dan banyak dilakukan dalam kajian bahasa terutamanya bahasa Inggeris (Emi Izumi & Hitoshi Isahara, 2004). Kajian urutan pemerolehan ini penting bagi pengkaji bahasa mengetahui urutan penguasaan struktur bahasa oleh pelajar (Emi Izumi & Hitoshi Isahara, 2004; Dulay et al., 1982; Ellis, 1997).

Sebagai contoh Kajian Burt dan Dulay (1973) memberi perhatian kepada lapan morfem bahasa Inggeris iaitu kata *jamak* “s” (*plural –s*), bentuk progresif *–ing* (*progressive –ing*), kata diri ketiga tunggal ‘s (*third person singular present tense –s*), kepunyaan *–s* (*possessive –s*), Kopula *-be* (*copula –be*), artikel (*article*), kata kerja bantu *-be* (*auxiliary –be*) dan kala lampau tidak teratur (*irregular past tense*). Daripada kajian ini didapati pelajar menguasai terlebih dahulu kata *jamak* “s” dan dituruti oleh penguasaan bentuk progresif *–ing* seterusnya *copula be*, *auxiliary be*, *article*, *irregular past tense*, *third person singular present tense –s* dan diakhiri dengan *possessive –s* (Emi Izumi dan Hitoshi Isahara, 2004; Dulay & Burt, 1973). Namun perbezaannya ialah kajian-kajian yang ditinjau adalah mengenai urutan pemerolehan morfem dalam bidang bahasa Inggeris sedangkan kajian ini menyentuh bidang bahasa Arab.

#### 4.1 Hipotesis Urutan Alamiah

Krashen (1981) telah memperkenalkan teori monitor dengan menekankan hipotesis urutan alamiah (*natural order*). Teori Monitor Krashen juga dikenali sebagai hipotesis pembelajaran dan pemerolehan (*acquisition- learning hypothesis*) yang menyatakan monitor adalah alat pemantau yang digunakan bagi memperbaiki pencapaian bahasa seseorang. Teori ini mengemukakan lima hipotesis iaitu:

- i. Hipotesis Pemerolehan dan Pembelajaran (*Acquisition-Learning*)

Krashen (1981) menyatakan terdapat dua cara bagi orang dewasa memperoleh bahasa kedua iaitu samada melalui proses pemerolehan (*acquisition*) atau melalui proses pembelajaran (*learning*). Proses pemerolehan berlaku secara tidak sedar (*subconscious*) apabila bahasa kedua digunakan sebagai bahasa komunikasi dan ia melalui proses pembelajaran secara tidak formal (*informal*) atau implisit. Manakala proses pembelajaran berlaku dengan keadaan sedar (*conscious*) iaitu satu proses pelajar bahasa kedua mempelajari rumus tatabahasa seterusnya mengetahui mengenai bahasa kedua tersebut. Ia melalui proses pendidikan secara formal atau eksplisit yang berfungsi sebagai *monitor* (alat pemantau) yang boleh mengubah *output* sistem atau hasil yang diperolehi sebelum dan selepas pengucapan secara lisan atau penulisan (Brown, 1994; Krashen, 1981).

ii. Hipotesis Urutan Alamiah (*natural order*)

Hipotesis urutan alamiah menyatakan pemerolehan struktur atau rumus tatabahasa pelajar bahasa kedua berlaku secara semulajadi (*natural order*) dan ia boleh dijangka. Hipotesis ini berdasarkan dapatan kajian yang dibuat oleh Burt dan Dulay dan lain-lain (Larsen Freeman, 1976; Dulay & Burt, 1974; Bailey, Madden & Krashen, 1974). Hipotesis ini menyatakan sesetengah struktur gramatikal diperolehi mengikut urutan samada diperolehi lebih awal atau sebaliknya (Krashen, 1982; Taher Bahrani, 2011). Ini kerana terdapat struktur gramatikal yang mudah dikuasai dan terdapat yang sukar (Abukhattala, 2012)). Hipotesis ini juga menjelaskan kepada kesilapan pelajar (*mistakes and error*) apabila struktur gramatikal yang digunakan tidak sepenuhnya dikuasai dan cara yang terbaik membetulkan kesilapan pelajar ialah dengan memberikan lebih banyak *input* mengenai struktur gramatikal berkenaan (Abukhattala, 2012).

iii. Hipotesis *Monitor*

*Monitor* atau konsep pemantau hanya melibatkan pembelajaran (*learning*) secara sedar dan bukannya pemerolehan (*acquisition*) secara tidak sedar. Ia bertujuan memperbaiki ujaran atau ucapan yang dihasilkan oleh sistem. Krashen menyatakan terdapat tiga syarat yang perlu diikuti dalam hipotesis ini iaitu :

- a. Masa iaitu pelajar bahasa kedua perlu mempunyai cukup waktu untuk belajar
- b. Fokus kepada bentuk dan makna
- c. Pengetahuan kaedah

iv. Hipotesis *Input* (*input hypothesis*)

Hipotesis *input* (masukan) menyatakan pemerolehan bahasa akan dapat dicapai apabila *input* yang diterima lebih besar daripada yang kita ada dan pelajar memahami dengan baik *input* bahasa yang diperolehinya samada melalui pendengaran atau pembacaan. Proses *input* ini berdasarkan rumus dari tahap *i* (kompetensi sekarang) ke tahap *i+1* apabila pelajar memahami *input* bermakna yang diperolehi. Tahap *i+1* bermaksud kompetensi pelajar melebihi daripada tahap semasa.

v. Hipotesis *Filter* Afektif (*affective filter hypothesis*)

Hipotesis *filter* afektif menjelaskan faktor sikap, motivasi dan keyakinan yang tinggi serta faktor kebimbangan yang rendah merupakan perkara penting dalam pemerolehan bahasa kedua. Ini kerana faktor-faktor ini akan menyebabkan *filter* afektif rendah dan *input* yang diterima oleh pelajar akan lebih banyak dicapai dalam pembelajaran bahasa kedua. Sekiranya motivasi dan keyakinan rendah serta kebimbangan yang tinggi akan menyebabkan *filter* afektif akan tinggi dan akan membentuk halangan mental (*mental block*) yang akan menghalang *input* kefahaman bahasa kedua (*comprehensible input*) seterusnya menghalang dalam pencapaian pemerolehan bahasa kedua (Krashen, 1981; Taher Bahrani, 2011)

## 5.0 SAMPEL KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Chua Yan Piaw (2011) menyatakan persampelan bertujuan merujuk kepada satu prosedur yang melibatkan sekumpulan subjek yang terpilih sebagai responden kajian yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Oleh itu, sampel kajian diambil dalam kalangan pelajar yang mengambil bahasa Arab permulaan 3 di UiTM. Jumlah pelajar yang terlibat adalah seramai 183 orang pelajar. Pemilihan responden kajian berdasarkan kriteria berikut:

- i. Umur pelajar yang matang iaitu dalam lingkungan 20-24 tahun.
- ii. Para pelajar terdiri dari pelbagai fakulti yang berbeza.
- iii. Para pelajar terdiri dari semester pengajian yang berbeza.
- iv. Terdapat pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab .

## 6.0 TUMPUAN TAJUK-TAJUK NAHU KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada pemerolehan *al-ḍamīr* dalam ayat nominatif yang terdiri daripada ayat subjek dan predikat. Oleh yang demikian ia hanya tertumpu kepada tajuk-tajuk asas bahasa Arab seperti dibawah:

- i. *Al-ḍamīr al-munfaṣil* (مُنْفَصِل) iaitu hanya melibatkan *ḍamā'ir raf' munfaṣilat* ضَمَائِر رَفْع مُنْفَصِلَة sebagai subjek dalam ayat.
- ii. *Al-ḍamīr al-muttaṣil* (مُتَّصِل) iaitu hanya melibatkan *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat* ضَمَائِر نَصْب مُتَّصِلَة sebagai *maf'ūl bih* (objek) dalam ayat dan *ḍamā'ir jar muttaṣilat* ضَمَائِر جَر مُتَّصِلَة sebagai ganti nama pemilikan.
- iii. Ayat nominatif iaitu ayat namaan yang terdiri dari subjek (مُبْتَدَأ) dan predikat (خَبَر). Struktur asas ayat subjek dan predikat iaitu ayat subjek kata nama (KN) tunggal dan predikatnya kata nama (KN) tunggal dan ayat subjek kata nama (KN) dan predikatnya kata kerja (KK).

## 7.0 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian deskriptif analisis. Bagi mendapatkan data kajian ini, instrumen ujian pembinaan ayat kepada pelajar digunakan. Ujian ini bertujuan mengenalpasti urutan pemerolehan *al-ḍamīr* dalam ayat nominatif bahasa Arab. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kandungan instrumen kajian, pengkaji telah membuat ujian rintis ke atas soalan ujian sebelum ujian sebenar dijalankan pada sampel sebenar. Ujian rintis ini juga bertujuan bagi mendapatkan maklumat data yang bersesuaian dan juga kesesuaian soalan ujian yang dibina selain bertujuan bagi melihat permasalahan yang dikaji benar-benar wujud. Selain daripada itu pengkaji merujuk kepada 2 orang pakar penilai bahasa Arab dari Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Soalan mempunyai tiga bahagian iaitu :

- i. Bahagian A: Memfokuskan kepada pemerolehan *ḍamā'ir raf' munfaṣilat* ضَمَائِر رَفْع مُنْفَصِلَة iaitu pelajar perlu membina ayat subjek yang terdiri dari *ḍamā'ir raf' munfaṣilat* yang mempunyai kesesuaian dengan predikat dari aspek bilangan *mufrad* مُفْرَد, *muthannā*

مُنْتَهَى dan *jamak جَمَع*. Tujuan soalan ini adalah bagi mengenalpasti skor urutan pemerolehan *al-damīr al-munfaṣil* dalam membina ayat subjek dan predikat. Sebanyak 16 soalan diberikan kepada pelajar untuk menjawab.

- ii. Bahagian B: Memfokuskan kepada pemerolehan *ḍamā'ir jar muttaṣilat* ضَمَائِر جَر مُتَّصِلَةٌ iaitu pelajar perlu membina ayat subjek dan predikat yang mempunyai *ḍamā'ir jar muttaṣilat*. Tujuan soalan ini adalah bagi mengenalpasti skor urutan pemerolehan *ḍamā'ir jar muttaṣilat*. Sebanyak 12 soalan diberikan kepada pelajar untuk menjawab.
- iii. Bahagian C: Memfokuskan kepada pemerolehan *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat* ضَمَائِر نَصَب مُتَّصِلَةٌ iaitu pelajar perlu membina ayat subjek dan predikat yang mempunyai *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat*. Tujuan soalan ini adalah bagi mengenalpasti skor urutan pemerolehan *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat*. Sebanyak 12 soalan diberikan kepada pelajar untuk menjawab.

Kajian ini akan menggunakan teknik analisis data penskoran Method Skor Kelompok (*Group Score Method GSM*) yang diperkenalkan oleh Burt dan Dulay (1973) dan Krashen (1982). Dalam GSM kekerapan penggunaan *al-damīr* yang betul dalam konteks yang wajib sahaja yang dikira. Skor jangkaan (*expectation score*) untuk setiap *al-damīr* dikenalpasti melalui berapa kali ia muncul dalam konteks yang wajib. Satu kemuculan diberi markah skor 2 mata. Contohnya sekiranya terdapat 12 *al-damīr* ia bermakna markah skor ialah 24. Seterusnya ialah skor pembelajar (*learners' score*) iaitu dikira berdasarkan berapa kali *al-damīr* yang betul (*correctly*) dan tidak betul (*incorrectly*) digunakan. Apabila *al-damīr* yang digunakan adalah betul 2 mata diberikan dan sekiranya kurang tepat (*an erroneous morpheme*) 1 mata diberikan manakala *al-damīr* tidak betul (*omission of a morpheme /rudimentary type of errors*) 0 mata diberi. Contoh teknik analisis ini boleh dilihat seperti dibawah:

Jadual 1: Pengagihan Skor Mata

Kategori Penggunaan Pelajar	Mata
Betul	2
Tidak betul (pengabaian ganti nama <i>omission of a morpheme</i> )	0
Kurang tepat (salah/ <i>an erroneous morpheme</i> )	1

Skor mata akan dikira seperti berikut : 
$$\text{Skor } al\text{-}ḍamīr = \frac{\text{Skor Pembelajar}}{\text{Skor Jangkaan}} \times 100$$

Skor jangkaan = kekerapan *al-damīr* dalam konteks yang wajib x 2, Skor pembelajar = bilangan yang betul digunakan x 2 + bilangan yang tidak betul x 0 + bilangan yang kurang tepat x 1. Setelah data dikumpul melalui formula GSM pengkaji menganalisis data dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistik. Hasil analisis data dapat mengenalpasti urutan pemerolehan *al-damīr* yang awal digunakan dan lewat digunakan.

## 8.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini adalah hasil analisis data daripada ujian yang diberikan kepada pelajar yang menilai urutan pemerolehan *al-damīr munfaṣil* dan *muttaṣil* yang awal dan lewat digunakan dalam



ayat nominatif bahasa Arab. Ia juga bagi menilai urutan *al-ḍamīr* dari aspek bilangan *mufrad*, *muthannā* dan *jamak*. Ia dibahagikan kepada :

- i. Urutan Pemerolehan *ḍamā'ir raf' munfaṣilat* ضَمَائِر رَفْعٍ مُنْفَصِلَاتٍ
- ii. Urutan pemerolehan *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat* ضَمَائِر نَصْبٍ مُتَّصِلَاتٍ
- iii. Urutan pemerolehan *ḍamā'ir jar muttaṣilat* ضَمَائِر جَرٍّ مُتَّصِلَاتٍ
- iv. Skor Urutan pemerolehan *al-ḍamīr* Keseluruhan

Keterangan data adalah seperti di bawah:

Jadual 2: Urutan pemerolehan *Ḍamā'ir Raf' Munfaṣilat* ضَمَائِر رَفْعٍ مُنْفَصِلَاتٍ

Bil	<i>al-Ḍamīr</i>	Kekerapan Betul	Peratus Betul
1	أَنْتِ	173	94.5
2	هُوَ	172	94.0
3	أَنْتِ	166	90.7
4	هِيَ	162	88.5
5	أَنَا (f)	161	88.0
6	أَنَا (m)	160	87.4
7	نَحْنُ (m)	160	87.4
8	نَحْنُ (f)	160	87.4
9	هُمَا (m)	153	83.6
10	هُمَّ	149	81.4
11	هُمَا (f)	148	80.9
12	أَنْتُمَا (f)	142	77.6
13	أَنْتُمْ	140	76.5
14	أَنْتُمَا (m)	138	75.4
15	هِنَّ	121	66.1
16	أَنْتُنَّ	119	65.0

Berdasarkan jadual 2, dapatan kajian menunjukkan *al-ḍamīr mufrad mukhāṭab* “أَنْتِ، أَنْتَ” dan *al-ḍamīr mufrad ghā'ib* “هُوَ، هِيَ” terlebih dahulu mudah digunakan berbanding *al-ḍamīr muthannā* dan *jamak* dengan mendapat peratus yang tertinggi, seterusnya *al-ḍamīr mufrad mutakallim* “أَنَا” dan “نَحْنُ”. Manakala bagi kategori *muthannā* dan *jamak* pelajar lebih mudah menggunakan *al-ḍamīr al-*

*ghā'ib* "هُم، هُمَا" berbanding *al-ḍamīr al-mukhāṭab* "أَنْتُمْ، أَنْتُمَا". Bagi *al-ḍamīr jamak mu'annath* "هُنَّ" dan "أَنْتُنَّ" adalah lewat digunakan.

Oleh itu berdasarkan dapatan kajian, urutan pemerolehan pelajar ialah pertamanya *al-ḍamīr mufrad mukhāṭab* dan *ghā'ib* keduanya adalah *al-ḍamīr mufrad mutakallim* "أَنَا" dan "نَحْنُ" dan seterusnya *al-ḍamīr ghā'ib muthannā* dan *jamak*, *al-ḍamīr mukhāṭab muthannā* dan *jamak* dan terakhir adalah *al-ḍamīr jamak mu'annath*.

Jadual 3: Urutan pemerolehan *Ḍamā'ir Naṣb Mutṭaṣilat* ضَمَائِرِ نَصْبٍ مُتَّصِلَةٍ

Bil	<i>al-Ḍamīr</i>	Kekerapan Betul	Peratus Betul
1	أَنْتُمْ	57	31.1
2	هَآ	51	27.9
3	هُ	45	24.6
4	لِكَ	43	23.5
5	كُم	41	22.4
6	نَا	38	20.8
7	كُمَا	32	17.5
8	كُنَّ	21	11.5
9	هُمَا	8	4.4
10	نِي	6	3.3
11	هُنَّ	6	3.3
12	هُم	5	2.7

Berdasarkan jadual 3, dapatan kajian menunjukkan *al-ḍamīr mufrad mukhāṭab* "أَنْتُمْ، أَنْتُمَا" dan *al-ḍamīr mufrad ghā'ib* "هُ، هَآ" terlebih dahulu mudah digunakan berbanding dengan *al-ḍamīr muthannā* dan *jamak* dan juga *mutakallim* dengan mendapat peratus yang tertinggi. Manakala bagi kategori *muthannā* dan *jamak* pelajar lebih mudah menggunakan *al-ḍamīr al-mukhāṭab* "كُنَّ، كُمَا، كُمْ" berbanding *al-ḍamīr al-ghā'ib* "هُمَا، هُم، هُنَّ". Bagi kategori *al-ḍamīr* ini *al-ḍamīr mufrad mutakallim* "نِي" adalah lewat digunakan berbanding dengan *al-ḍamīr jamak* "نَا".

Oleh itu berdasarkan dapatan kajian, pelajar lebih mudah menggunakan *al-ḍamīr mufrad mukhāṭab* dan *ghā'ib* berbanding dengan *al-ḍamīr mukhāṭab muthannā* dan *jamak*, *al-ḍamīr ghā'ib muthannā* dan *jamak* serta *al-ḍamīr mutakallim*.

Jadual 4: Urutan pemerolehan *Ḍamā'ir Jar Muttaṣilat* ضَمَائِرِ جَرٍ مُتَّصِلَةٍ

Bil	<i>al-Ḍamīr</i>	Kekerapan Betul	Peratus Betul
1	ي	130	71.0
2	ك	78	42.6
3	ه	77	42.1
4	ل	71	38.8
5	ه	69	37.7
6	ك	60	32.8
7	ن	57	31.1
8	ك	41	22.4
9	ك	34	18.6
10	ه	29	15.8
11	ه	26	14.2
12	ه	18	9.8

Berdasarkan jadual 4, dapatan kajian menunjukkan *al-Ḍamīr mufrad* samada *mutakallim* “ي”, *mukhāṭab* “ك” dan *ghā'ib* “ه” terlebih dahulu digunakan berbanding dengan *al-Ḍamīr muthannā* dan *jamak* dengan mendapat peratus yang tertinggi. Manakala bagi kategori *muthannā* dan *jamak* pelajar lebih mudah menggunakan *al-Ḍamīr al-mukhāṭab* “ك” berbanding *al-Ḍamīr al-ghā'ib* “ه”, “ه”, “ه”, “ه”. Bagi kategori *al-Ḍamīr* ini *al-Ḍamīr jamak mutakallim* “ن” adalah lewat digunakan berbanding dengan *al-Ḍamīr mufrad* “ي”.

Oleh itu berdasarkan dapatan kajian pelajar lebih mudah menggunakan *al-Ḍamīr mufrad mutakallim*, *mukhāṭab* dan *ghā'ib* berbanding dengan *al-Ḍamīr mukhāṭab muthannā* dan *jamak* dan *al-Ḍamīr ghā'ib muthannā* dan *jamak*.

Jadual 5: Skor Urutan Pemerolehan *al-Ḍamīr* Keseluruhan

<i>Ḍamā'ir</i>	N	Min	Sisihan Piawai
Skor <i>Ḍamā'ir raf' munfaṣilat</i>	183	84.66	21.89
Skor <i>Ḍamā'ir jar muttaṣilat</i>	183	32.30	27.83
Skor <i>Ḍamā'ir naṣb muttaṣilat</i>	183	16.96	21.27

Berdasarkan jadual 5, dapatan kajian menunjukkan urutan pemerolehan pelajar pertamanya adalah *Ḍamā'ir raf' munfaṣilat* dengan skor min sebanyak 84.66, keduanya adalah *Ḍamā'ir jar muttaṣilat* dengan skor min 32.30 dan yang terakhir adalah *Ḍamā'ir naṣb muttaṣilat* dengan skor min 16.96. Ini bermakna pelajar lebih mudah menggunakan *Ḍamā'ir raf' munfaṣilat* berbanding dengan *Ḍamā'ir jar*

*muttaṣilat* dan *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat*. Manakala *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat* adalah yang paling lewat digunakan.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya berdasarkan hasil kajian yang dibentangkan di atas dapat disimpulkan seperti berikut :

- i. Para pelajar lebih mudah menggunakan *ḍamā'ir raf' munfaṣilat* berbanding dengan *ḍamā'ir jar muttaṣilat* dan *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat*.
- ii. Para pelajar lebih mudah menggunakan *ḍamā'ir jar muttaṣilat* berbanding dengan *ḍamā'ir naṣb muttaṣilat*.
- iii. Para pelajar lebih mudah menggunakan *al-ḍamīr mufrad* berbanding dengan *al-ḍamīr muthannā* dan *jamak*.

## 9.0 PENUTUP

Berdasarkan hasil kajian adalah penting bagi mengetahui urutan pemerolehan *al-ḍamīr* dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya kaedah urutan pemerolehan *al-ḍamīr* perlu diaplikasikan dalam pengajaran tatabahasa bahasa Arab. Penggunaan *al-ḍamīr* yang mudah digunakan perlu dipelajari terlebih dahulu berbanding dengan *al-ḍamīr* yang lewat digunakan. Cara yang terbaik untuk meningkatkan prestasi pelajar ialah dengan memberikan lebih banyak *input* mengenai struktur gramatikal yang lewat atau sukar digunakan. Hasil kajian ini juga dapat membantu tenaga pengajar dan ahli akademik menggunakan kaedah atau pendekatan pengajaran serta membina kurikulum mengikut urutan pengajaran yang bersesuaian dan lebih lengkap bagi meningkatkan pemahaman, minat dan prestasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

## RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari, & Azliza Din. (2013). Pelaksanaan Aktiviti Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah : Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEj)*, 3, 64–78.
- Abdullah Bin Jusuh. (1990). *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia* (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abukhattala, I. (2012). Krashen's Five Proposals on Language Learning: Are They Valid in Libyan EFL Classes. *English Language Teaching*, 6(1), 128–131. <http://doi.org/10.5539/elt.v6n1p128>
- Azani Ismail@Yaakub, Azman Che Mat, & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1)(January), 325–337.
- Azhar bin Muhammad, Abdul Hafiz bin Abdullah, Bushrah binti Basiron, Kamarul Azmi bin Jasmi, & Sulaiman Shakib bin Mohd Noor. (2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azman Che Mat, & Goh Ying Soon. (1985). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *AJTLHE*, 2(2), 9–21.
- Azman Che Mat, & Goh Ying Soon. (2010). Grammar in the Classroom: Students' Expectations and Reality The Case Of Arabic and Mandarin. *Novitas Royal (Research On Youth and Language)*,

4(1), 51–63.

- Bailey, N., Madden, C. & Krashen, S. (1974). Is There A “Natural Sequence” In Adult Second Language Learning? *Language Learning*, 24(2), 235–243.
- Brown, H.D (1994). *Principle Of Language Learning and Teaching*. Englewood Cliffs New Jersey: Prentice Hall Regents.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan (Edisi Kedua)*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Cook V.J. (1988). *Chomsky's Universal Grammar (Edisi Pertama)*. Oxford UK: Basil Blackwell Ltd.
- Dulay, H. & Burt, M. (1973). Should We Teach Children Syntax. *Language Learning*, 23(2).
- Dulay, H. & Burt, M. (1974). Natural Sequences in Child Second Language Acquisition. *Language Learning*, 24(1).
- Dulay, H. Burt, M. & Krashen, S. (1982). *Language Two*. New York: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1994). *The Study Of Second Language Acquisition*. New York Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1997). *Second Language Acquisition (Edisi Pert)*. New York Oxford: Oxford University Press.
- Emi Izumi, & Hitoshi Isahara. (2004). Investigation Into Language Learners ' Acquisition Order Based On An Error Analysis Of A Learner Corpus. *IWLeL 2004: An Interactive Workshop on Language e-Learning*, 63–71.
- Eun-Young Kwon. (2005). The “ Natural Order ” of Morpheme Acquisition : A Historical Survey and Discussion of Three Putative Determinants. *Teachers College, Columbia University Working Papers in TESOL & Applied Linguistics*, 5(1), 1–21.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, & Aliff Nawi. (2015). Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah d Negara Brunei Darussalam. *The Online Journal Of Islamic Education*, 3(1), 32–40.
- Krashen, S. (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning (Edisi Pertama)*. Oxford: Pergamon Press.
- Krashen, S. (1982). *Principles and Practice in Second Language Acquisition. The Modern Language Journal* (Edisi pertama, Vol. 67). California: Pergamon Press. <http://doi.org/10.2307/328293>
- Larsen Freeman, D. (1976). An Explanation For The Morpheme Acquisition Order Of Second Language Learners. *Language Learning*, 26(1), 125–134.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias, & Hanis Najwa Shahrudin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ( SABK ). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51–61.
- Manisah Mohd Nor. (2000). *Penggunaan al-Damāir Dalam Karangan*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

- Mat Nawi Mat Jusoh, Hakim Zainal, & Kaseh Abu Bakar. (2014). Aplikasi Rumus Dalam Pengajaran Nahu Bahasa Arab. In *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Fakulti Pengajian Islam UKM dan Fakulti Kontemporari Islam UniSZA*.
- Mohamad Rofian Bin Ismail, Ahmad Redzaudin Bin Ghazali, Khairatul Akmar Bin Abdul Latif, & Nor Effendy Bin Ahmad Sokri. (2014). Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. *International Research Management and Innovation Conference 2014 Kuala Lumpur (IRMIC2014)*, 2014(November), 295.
- Muhammad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, & Roslee Talip. (2014). Motivasi sebagai 'Mediator' antara Proses Pengajaran dan Bimbingan Guru dengan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar: Satu Kajian Menggunakan 'Model SEM/AMOS'. *Sains Humanika*, 4, 127–132. Retrieved from [www.sainshumanika.utm.my](http://www.sainshumanika.utm.my)
- Nana Jumhana. (2014). Pemerolehan Bahasa Pada Anak (Kajian Teoritis Tentang Pemerolehan Bahasa Pertama). *Al-Ittihad*, 6(02), 109–128.
- Noor Anida Binti Awang, Norhayati Binti Che Hat, & Nurazan Binti Mohmad Rouyan. (2014). Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Unisza. In *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014* (pp. 1–11). Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Fakulti Kontemporari Islam UniSZA.
- Noraini Binti Idris, & Shuki bin Osman. (2009). *Pengajaran dan Pembelajaran Teori dan Praktis*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Rabiatul Adawiyah. (2010). *Tahlil al-Akhta' Fi Istikhdam al-Dama'ir Fi al-Insya' al-Muwajjah Lada Talamidh al-Saf al-Thani Min Madrasah al Wataniyyah 17 al-Mutawassitah al-Islamiyyah Jakarta al-Sharqiyyah*. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Rosni Bin Samah. (2012). Isu Pembelajaran Bahasa Arab. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, 2012, 286–300.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 555–569.
- Taher Bahrani. (2011). The Implications Of The Monitor Theory For Foreign Language Teaching. *Asian Social Science*, 7(10), 281–284. <http://doi.org/10.5539/ass.v7n10p281>
- Tay Meng Guat. (2006). Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis. *Jurnal Pendidikan IPBL*, Jilid 7.
- Tuan Rashid Tuan Mat. (2000). *Penguasaan Kata Ganti Nama Bahasa Arab di Kalangan Pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Zawawi Ismail, & Muhammad Azhar Zailani. (2005). Pendekatan Komunikatif Di Dalam Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia. In Zawawi Ismail & Mohd Sukki Othman (Eds.), *Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia: Cabaran dan Inovasi* (Cetakan Pertama, p. 16). Selangor Darul Ehsan: Minda Imtiyaz.